

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7705**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kedai *reflexology center* yang menjalankan mahupun menggalakkan kegiatan pelacuran yang telah pun dikenakan tindakan di kawasan Parlimen Bandar Kuching (P.195) serta Stampin (P.196) semenjak 2014. Senaraikan serta jumlah orang yang dikenakan dakwaan mahupun diberi amaran secara rasmi.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pelacuran adalah merupakan satu kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah Kanun Keseksaan mengikut Seksyen 372 (*menyalah guna mana-mana orang bagi tujuan persundalan*) dan Seksyen 373 Kanun Keseksaan (*pengawalan rumah-rumah persundalan*). dan Seksyen 14 Akta Pamerdagangan Orang (ATIP) (*memperdagangkan kanak-kanak bagi maksud eksploitasi*).**

**Kegiatan pelacuran akan terus berlaku selagi terdapat permintaan memandangkan keuntungan yang tinggi hasil daripada kegiatan pelacuran ini, yang menjadikan mereka tamak dan tidak mengenal erti takut walaupun tindakan undang-undang yang tegas akan dikenakan terhadap mereka.**

**Statistik kegiatan pelacuran di Parlimen Bandar Kuching dan Parlimen Stampin yang dikenakan tindakan di pusat-pusat *reflexology* bagi tahun 2014 seperti berikut:-**

<b>Tahun 2014</b>	
<b>Pusat Reflexology Yang Dikenakan Tindakan</b>	<b>8</b>
<b>Orang Yang Di Tuduh</b>	<b>10</b>